

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL  
HAMID [ KUALA LANGAT ]**  
**TARIKH : 10 JUN 2014**  
**SOALAN :**

**Tuan Abdullah Sani Bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam menambah bilangan doktor pakar dan penambahbaikan peralatan perubatan untuk penduduk sekitar Kuala Langat.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Perkhidmatan kepakaran perubatan bagi penduduk sekitar Kuala Langat disediakan di Hospital Banting. Pada masa ini terdapat 10 orang pakar yang telah ditempatkan di Hospital Banting iaitu 2 pakar perubatan dalaman, 2 Pakar Bius, 3 Pakar Kanak-Kanak, seorang Pakar Ortopedik, seorang Pakar Perubatan Kecemasan dan seorang Pakar Obstetrik & Ginekologi. Selain dari itu, perkhidmatan kepakaran lain di Hospital Banting juga diberikan oleh pakar pelawat dari Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang yang memberikan perkhidmatan secara berkala.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menambah slot tajaan bagi program sarjana perubatan di institusi pengajian tinggi awam dari 800 orang mulai sesi 2010/2011 kepada 1000 slot bagi memberi peluang kepada lebih ramai pegawai perubatan mengikuti program sarjana. Sehubungan dengan itu, diharapkan lebih ramai pakar perubatan dapat dihasilkan demi meningkatkan lagi mutu dan prestasi perkhidmatan perubatan dalam negara dan lebih ramai pakar dapat ditempatkan di Hospital Banting pada masa akan datang bagi memenuhi keperluan rakyat di kawasan berkenaan.

Pelbagai langkah untuk meningkatkan lagi bilangan pakar telah dilaksanakan menerusi pelbagai strategi misalnya:

- i. Pelantikan semula pakar KKM yang telah bersara wajib secara kontrak;
- ii. Pengambilan doktor pakar swasta berkhidmat secara sesional;
- iii. Menggalakkan pakar warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air; dan
- iv. Pengambilan pakar warganegara asing secara kontrak.